



# BULETIN KEJURUTERAAN

EDISI : 6 / 2011 / NOVEMBER DAN DISEMBER

## KATA PENGANTAR

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Sekejap rasanya kita telah berada di tahun 2012 dan meninggalkan 2011 yang penuh dengan kenangan. Kepada yang beragama Kristian masih belum terlambat untuk kami mengucapkan selamat Hari Natal pada 25 Disember 2011.

Pelbagai aktiviti telah kita jalankan bersama dan ianya telah memberikan pelbagai pengalaman. Terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan secara langsung atau tidak. Diharapkan pada 2012 ini, lebih banyak lagi aktiviti yang telah dan akan dirancang dapat dijalankan dengan jayanya bagi menambah kecemerlangan Fakulti dalam bidang akademik.

Tahun 2012 menyaksikan mantan Dekan Fakulti, Prof. Dr Mohd. Hamdi Abd. Shukor dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) untuk tempoh 3 tahun yang akan datang. Pihak Fakulti amat berbangga dengan pelantikan ini dan mendoakan semoga beliau terus cemerlang dalam menabur bakti kepada Universiti.

Bagi menambahbaik sistem perkhidmatan awam, Perdana Menteri telah mengumumkan satu sistem baru yang dinamakan Saran Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) bagi dasar sedia ada. Sehubungan itu, semua kakitangan diharapkan dapat membuat pilihan terbaik dan bekerja bersungguh-sungguh demi kemajuan diri dan organisasi.

Akhir kata diucapkan selamat menyambut Tahun Baru 2012 kepada semua.

Sekian.



## TAHNIAH

**Pihak Fakulti mengucapkan tahniah diatas pelantikan Prof. Dr. Mohd. Hamdi Abd Shukor sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) mulai 1 Januari 2012 sehingga Disember 2014.**

## Seminar Kerjasama Di antara Universiti

*Universiti Ottawa, Universiti Malaya dan Universiti Tunku Abdul Rahman*



Pada 14-16 Disember 2011, telah berlangsung satu seminar kerjasama antara Universiti Ottawa, Universiti Malaya dan Universiti Tunku Abdul Rahman bagi membincangkan satu topik bertajuk "Wastewater Treatment" bertempat di Bilik Persidangan , Fakulti Kejuruteraan.



Majlis tersebut yang dipengerusikan oleh Pof.Madya Dr.Faisal Rafiq Mahamad Adikan telah dihadiri oleh perwakilan dari Universiti Ottawa iaitu Mr. Allan Rock, selaku Presiden dan Naib Canselor, Mr. Louis De Melo selaku Timbalan Presiden, Dr. Deen Claude selaku Dekan, Fakulti Kejuruteraan selain Dato' Dr. Ir Gan Thian Leong merangkap Pengarah Urusan Kumpulan dari Brunsfield.

Turut mengambil bahagian adalah Prof Dr. Ronald Droste dari Universiti Ottawa yang membincangkan mengenai hasil kajian beliau bertajuk "Water, Wastewater, Solid Waste Research", Prof.Dr.Md Ghazali Shaaban dengan tajuk "Sustainable Water Management In Tropical Climate" dan Prof Madya Ir Dr Abdul Aziz Abdul Raman dengan tajuk "Developing Mini Wastewater Treatment System For Batik Industries manakala Prof Dr Ng Choon Aun dari Universiti Tunku Abdul Rahman dengan tajuk "Membrane Bioreactor for Wastewater Treatment".

Seminar diakhiri dengan wakil-wakil dibawa melawat ke makmal Research Lab MBPV, Optical Engineering Laboratory dan Environment Health Lab.

**"INDUSTRIAL TALK" TAHUN 2011**  
**OLEH JABATAN KEJURUTERAAN REKABENTUK DAN PEMBUATAN**

Bermula dari Semester I Sesi 2011/12, Jab. Kej. Rekabentuk & Pembuatan (JKRP) telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan Siri Seminar Industri kepada semua mahasiswa-mahasiswa jabatan. Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada mahasiswa tentang perjalanan kerja jurutera-jurutera profesional, di samping perkongsian masalah dan isu-isu terkini di dalam bidang kejuruteraan (real world engineering problems). Selain itu, langkah ini turut dilaksanakan seiring dengan misi jabatan untuk menerapkan apresiasi pelajar-pelajar terhadap pembelajaran sepanjang hayat (lifelong learning). Dengan mengikuti model 'Continuous Professional Development' (CPD) yang diamalkan oleh badan-badan profesional, para mahasiswa jabatan telah diwajibkan untuk menghadiri sekurang-kurangnya empat (4) seminar industri dalam satu-satu tahun akademik, sebelum sijil kehadiran CPD dianugerahkan kepada pelajar-pelajar tersebut.

Untuk semester ini, JKRP dengan rasa syukur telah berjaya menganjurkan sebanyak sepuluh (10) sesi seminar industri untuk sajian mahasiswa-mahasiswa jabatan . Penceramah-penceramah yang diundang terdiri daripada jurutera-jurutera berpengalaman daripada pelbagai bidang seperti industri minyak & gas (oil & gas) elektronik dan kejuruteraan rekabentuk. Jurutera-jurutera ini datang dari syarikat-syarikat besar seperti Motorola Solutions dan Proton, serta agensi-agensi seperti SIRIM dan MOSTI. Selain itu, JKRP juga telah berjaya menjemput wakil daripada IEM (Institution of Engineers, Malaysia) untuk memberikan penerangan mengenai laluan kearah status jurutera profesional, serta menganjurkan 'membership drive' untuk mahasiswa-mahasiswa jabatan.

Secara keseluruhannya, maklumbalas yang diberikan oleh mahasiswa-mahasiswa jabatan terhadap program ini adalah amat positif. Ini adalah kerana perkongsian pengalaman dan maklumat di antara pelajar-pelajar dengan jurutera-jurutera amat sukar untuk didapati. Dengan perlaksanaan program ini sepanjang semester, para mahasiswa dapat mempersiapkan diri, sebelum memulakan kerjaya mereka sebagai jurutera kelak. Di samping itu, komen dan maklumbalas yang baik daripada penceramah-penceramah yang dijemput turut menjadi pemangkin supaya siri seminar industri ini dapat diteruskan untuk semester-semester hadapan.

**Dr Noor Azizi Mardi**  
29 Dis 2011  
JKRP



Penceramah Ir. Zainal Fitri Zainal Abidin dari PROTON Holdings Berhad



Penceramah Engr. Kelvin Chew Wai Jin dari Failure Analysis Engineer S.E.H Malaysia.



Penceramah Dr. Xander Thong , General Manager dari GN Group Malaysia.



Penceramah Engr. Clement Pakiam , Senior Engineering Manager dari Motorola Penang.



Penceramah Ir. Lai Sze Ching , Managing Director dari MEC Integrated Alliance Sdn. Bhd.

## AKTIVITI-AKTIVITI BULAN NOVEMBER DAN DISEMBER

### LAWATAN DARI LUAR NEGARA



Lawatan dari Imperial College Of Science Technology and Medicine, London, tarikh: 24 November 2011, masa: 11.00 pagi, tempat: Bilik Persidangan.



Lawatan dari Vietnam Academy Of Science & Technology ( VAST), tarikh: 25 November 2011, masa: 12.00 tengahari, tempat: Bilik Persidangan.



Lawatan dari University of Taiwan, tarikh: 23 Disember 2011 Masa: 3.00 petang, tempat: Bilik Persidangan.